



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

06 Zulkaedah 1441 / 28 Jun 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Ahad, 06 Zulkaedah 1441H bersamaan 28 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, terdapat **409** orang yang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang disediakan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai **2,696** orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

3. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **404 sampel** telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **29,111 ujian**. Manakala, berkenaan dengan ujian swab COVID-19 bagi mereka yang telah tiba mengikuti penerbangan dari United Kingdom baru-baru ini, kesemua keputusan bagi penumpang penerbangan tersebut adalah negatif.

4. Berikutan makluman mengenai ***BruHealth App***, Alhamdulillah setakat ini seramai **403,837 ahli** telah mendaftar ke dalam aplikasi tersebut. Bagi syarikat dan premis pula sejumlah **10,839** telah mendaftar. Manakala, berkenaan aplikasi premiseScan pula, sejumlah **5,907** telah dimuat turun oleh **4,254 premis perniagaan**.

5. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 06 Zulkaedah 1441H / 28 Jun 2020